

**TPM: Lagi dilarang, lagi nak baca Utusan
Malaysiakini.com
April 25, 2011**

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beliau tidak fikir gesaan beberapa pemimpin MCA untuk memboikot Utusan Malaysia akan berkesan kerana ia terpelung kepada pembacanya.

"Soal baca ke tidak, ini hak individu. Kalau dia nak buat, buatlah. Tetapi saya tidak fikir ini berkesan. Ia tidak akan berkesan sama sekali.

"Lagi orang kata jangan baca, lagi orang hendak baca. (Mereka tertanya-tanya) pasal apa? Takutkah?" katanya.

MCA sebelum ini dilaporkan menggesa Utusan dipulaukan kerana mencadangkan gerakan '1Melayu, 1Bumi' yang dianggap parti itu untuk menghalalkan diskriminasi kaum.

Timbalan Ketua Publisiti MCA Loh Seng Kok berkata, konsep itu bertujuan menghukum masyarakat Cina kerana melaksanakan hak demokrasi dengan membuat pilihan semasa pilihan raya.

Bercakap kepada pemberita di Kuala Lumpur hari ini, Muhyiddin dengan nada membela akhbar itu berkata, Utusan dengan "sejarah yang panjang" bukan melaporkan perkara berkaitan orang Melayu sahaja, sebaliknya menyentuh pelbagai perkara.

Kecenderungan ke arah perkauman

Tambahnya, media tidak boleh disekat selagi tidak melanggar batas undang-undang, menyentuh soal perkauman dan sensitif serta tidak mencetuskan keadaan tidak baik.

"Saya tak fikir niat Utusan atau media lain hendak menghancurkan negara. Kalau dia berbuat demikian, sudah lama tercetus huru-hara.

Dan hanya satu surat khabar... cukupkah dia sehingga mencetuskan huru-hara?" soalnya yang juga menteri pelajaran.

Sambil meminta semua pihak bersikap rasional, Muhyiddin juga berkata beliau tidak tahu kenapa MCA mencadangkan supaya akhbar milik Umno itu diboikot.

Katanya, kecenderungan ke arah perkauman harus dihapus bawah gagasan 1Malaysia.

Menurutnya lagi, dalam masa kita tidak boleh menghalang suatu pihak bersuara walaupun tidak disenangi yang lain.

"Jadi, ini sepatunya menjadi asas kita. Tolong lapor setiap perkataan yang saya kata. Jangan sambil satu (bahagian) saja," katanya lagi kepada pemberita